# SOALAN LAZIM PAKEJ PRABAYAR INTERNET MUDAH ALIH – PAKEJ PERPADUAN

<table>
<tr><th>NO</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Apakah Pakej Prabayar Internet Mudah Alih (Pakej Perpaduan)?</td><td>
<ul><li>Pakej Prabayar Internet Mudah Alih (Pakej Perpaduan) adalah perkhidmatan prabayar yang diwujudkan khas untuk membantu rakyat Malaysia menangani kos sara hidup yang semakin meningkat dengan menyediakan kemudahan internet bagi tujuan ketersambungan, komunikasi, meningkatkan produktiviti serta mengurangkan kos ketersambungan bagi golongan yang memerlukan.</li></ul>
</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Apakah tawaran yang terdapat di dalam Pakej Perpaduan?</td><td>
<ul><li>Pakej Perpaduan menawarkan pas data dengan butiran perkhidmatan seperti berikut:</li></ul>
<table>
<tr><th>Pas Data</th><th>Harga</th><th>Data 4G</th><th>Hotspot</th><th>Panggilan Telefon / SMS</th><th>Kelajuan</th><th>Tempoh Sah</th></tr>
<tr><td>Pakej Perpaduan</td><td>RM30</td><td>30GB</td><td>Tidak berkenaan</td><td>Tidak berkenaan</td><td>Sehingga 3Mbps</td><td>180 hari</td></tr>
</table>
Dengan pakej ini, pengguna akan kekal berhubung dan menjalankan aktiviti berkaitan komunikasi harian untuk tujuan pendidikan, e-mail, Instant Messaging, melayari laman web serta media sosial dan sebagainya.
</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Berapa lamakah tempoh kempen Pakej Perpaduan ini?</td><td>
<ul><li>Pengguna boleh mendapatkan Pakej Perpaduan bermula 28 Februari 2023 sehingga 31 Disember 2023 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut).</li></ul>
</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Siapakah yang layak melanggani Pakej Perpaduan?</td><td>
<ul><li>Pakej Perpaduan adalah layak dilanggani untuk golongan berikut:<br>a. Belia (berumur 30 tahun ke bawah)<br>b. Warga Emas (berumur 60 tahun ke atas)<br>c. Veteran Polis, Tentera dan APMM<br>d. Orang Kelainan Upaya (OKU)<br>e. Kumpulan berpendapatan B40</li></ul>
</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Adakah pakej ini untuk perkhidmatan prabayar sahaja?</td><td>
<ul><li>Ya, Pakej Perpaduan sedia untuk dilanggani oleh pengguna perkhidmatan prabayar sedia ada dan juga pelanggan baru.</li></ul>
</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Bagaimanakah caranya untuk melanggani Pakej Perpaduan?</td><td>
<ul><li>Jika anda tergolong di dalam kategori yang layak seperti di dalam Soalan 4, sila rujuk butiran di bawah:
<ul><li>Belia dan Warga Emas – <u>Pelanggan Sedia Ada</u>, ikuti langkah-langkah berikut:<br>a. Log masuk ke aplikasi Prabayar Mudah Alih Unifi di peranti anda<br>b. Pastikan akaun anda mempunyai baki yang mencukupi, iaitu minimum RM30<br>c. Klik BUY NOW untuk mencari Pakej Perpaduan di dalam tab Pakej Khas</li></ul></li></ul>
</td></tr>
</table>

| NO | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| | | d. Pilih Pakej Perpaduan dan klik *BUY* untuk mengesahkan pembelian anda<br>e. Anda akan menerima pengesahan pembelian melalui SMS di peranti anda<br><br>• **Veteran Polis, Tentera dan APMM, Orang Kelainan Upaya (OKU) serta Kumpulan Berpendapatan B40 – Pelanggan Sedia Ada,** ikuti langkah-langkah berikut:<br>a. Pastikan akaun anda mempunyai baki yang mencukupi, iaitu minimum RM30<br>b. Semak kelayakan langganan Pakej Perpaduan; sila rujuk Soalan 4 seperti di atas.<br>c. Sediakan dokumen sokongan seperti di dalam jadual di bawah: |

| Kategori | Dokumen Sokongan |
|---|---|
| Veteran Polis | • Kad Pengenalan<br>• Kad Veteran PDRM JPA |
| Veteran Tentera | • Kad Pengenalan<br>• Kad Veteran ATM |
| Veteran *Malaysian Maritime Enforcement Agency* (APMM) | • Kad Pengenalan<br>• Kad Veteran APMM JPA |
| Persons with Disabilities (OKU) | • Kad Pengenalan<br>• Kad OKU |
| B40 Income Group | • Kad Pengenalan<br>• Pengesahan B40 akan dilakukan oleh *TM Care Crew* melalui nombor kad pengenalan |

d. Anda boleh melanggan Pakej Perpaduan melalui:
- Cawangan TMpoint berhampiran dengan membawa dokumen sokongan seperti tersenarai di atas; atau
- Hantarkan permintaan anda bersama dokumen sokongan ke mobile@tm.com.my

e. Proses langganan akan mengambil masa di antara 1-2 hari bekerja dan pakej anda akan tertera di *dashboard* setelah permohonan anda berjaya

f. Anda juga akan menerima SMS di peranti anda sekiranya permohonan anda berjaya

<table>
<tr><th>NO</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td>7.</td><td>Sekiranya saya bukan pelanggan Prabayar UNI5G tetapi ingin melanggan Pakej Perpaduan, apakah yang perlu saya lakukan?</td><td>
<ul>
<li>Jika anda tergolong di dalam kategori yang layak seperti di dalam Soalan 4, sila rujuk butiran di bawah:
<ul>
<li>Belia dan Warga Emas – <u>Pelanggan Baru</u>, sila rujuk langkah-langkah di bawah:
<ol type="a">
<li>Muat turun aplikasi Prabayar Mudah Alih Unifi (Unifi Mobile Prepaid app) di peranti telefon pintar anda</li>
<li>Daftar dengan memilih ‘I want to get a SIM’</li>
<li>Setelah mendaftar, aktifkan kad SIM anda dengan memasukkan kad SIM tersebut ke dalam peranti telefon pintar anda</li>
<li>Sila RELOAD untuk memastikan anda mempunyai jumlah minimum yang mencukupi sebanyak RM30 di dalam Baki Akaun anda</li>
<li>Klik BUY NOW untuk mencari for Pakej Perpaduan di dalam tab Pakej Khas</li>
<li>Pilih Pakej Perpaduan dan klik BUY untuk mengesahkan pembelian anda</li>
<li>Anda akan menerima pengesahan pembelian melalui SMS di peranti anda</li>
</ol></li>
<li>Veteran Polis, Tentera dan APMM, Orang Kelainan Upaya (OKU) serta Kumpulan Berpendapatan B40 – <u>Pelanggan Baru</u>, sila rujuk langkah-langkah di bawah:
<ol type="a">
<li>Muat turun aplikasi Prabayar Mudah Alih Unifi (Unifi Mobile Prepaid app) di peranti telefon pintar anda</li>
<li>Daftar dengan memilih ‘I want to get a SIM’</li>
<li>Setelah mendaftar, aktifkan kad SIM anda dengan memasukkan kad SIM tersebut ke dalam peranti telefon pintar anda</li>
<li>Sila RELOAD untuk memastikan anda mempunyai jumlah minimum yang mencukupi sebanyak RM30 di dalam Baki Akaun anda</li>
<li>Semak kelayakan anda untuk melanggani Pakej Perpaduan seperti yang tersenarai di Soalan 4</li>
<li>Sediakan dokumen sokongan seperti yang tersenarai di dalam jadual di bawah:</li>
</ol>
<table>
<tr><th>Kategori</th><th>Dokumen Sokongan</th></tr>
<tr><td>Veteran Polis</td><td><ul><li>Kad Pengenalan</li><li>Kad Veteran PDRM JPA</li></ul></td></tr>
<tr><td>Veteran Tentera</td><td><ul><li>Kad Pengenalan</li><li>Kad Veteran ATM</li></ul></td></tr>
<tr><td>Veteran Malaysian Maritime Enforcement Agency (APMM)</td><td><ul><li>Kad Pengenalan</li><li>Kad Veteran APMM JPA</li></ul></td></tr>
<tr><td>Persons with Disabilities (OKU)</td><td><ul><li>Kad Pengenalan</li><li>Kad OKU</li></ul></td></tr>
</table></li>
</ul></li>
</ul>
</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>NO</th><th>SOALAN</th><th>JAWAPAN</th></tr>
<tr><td></td><td></td><td>
<table><tr><td>B40 Income Group</td><td>• Kad Pengenalan<br>• Pengesahan B40 akan dilakukan oleh TM Care Crew melalui nombor kad pengenalan</td></tr></table>
g. Anda boleh melanggan Pakej Perpaduan melalui:<br>• Cawangan TMpoint berhampiran dengan membawa dokumen sokongan seperti tersenarai di atas; atau<br>• Hantarkan permintaan anda bersama dokumen sokongan ke mobile@tm.com.my<br><br>h. Proses langganan akan mengambil masa di antara 1-2 hari bekerja dan pakej anda akan tertera di dashboard setelah permohonan anda berjaya<br><br>Anda juga akan menerima SMS di peranti anda sekiranya permohonan anda Berjaya</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Jika saya mempunyai lebih daripada 1 kad SIM/akaun Prabaya UNI5G, adakah semuanya boleh menggunakan pas Pakej Perpaduan?</td><td>• Maaf, hanya 1 akaun sahaja yang layak melanggani Pakej Perpaduan. Sila pastikan anda membeli pas Pakej Perpaduan untuk kad SIM/akaun yang anda ingin gunakan</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>Bagaimana saya boleh mengetahui sekiranya pembelian pas Pakej Perpaduan saya berjaya?</td><td>• Anda akan menerima notifikasi melalui sekiranya pembelian pas anda berjaya<br>• Pas data Pakej Perpaduan juga akan tertera di dashboard aplikasi Mudah Alih Unifi (Unifi Mobile Prepaid app)</td></tr>
<tr><td>10.</td><td>Bagaimana saya boleh memantau penggunaan pas?</td><td>• Anda boleh menyemak penggunaan pas anda menerusi dashboard aplikasi Mudah Alih Unifi (Unifi Mobile Prepaid app).<br>• Anda juga akan menerima SMS apabila penggunaan pas mencapai 80% dan 100%</td></tr>
<tr><td>11.</td><td>Saya sudah membeli pas sedia ada, bolehkah saya membeli pas Pakej Perpaduan?</td><td>• Ya, anda boleh membeli pas Pakej Perpaduan walaupun telah membeli pas sedia ada</td></tr>
<tr><td>12.</td><td>Adakah perkhidmatan hotspot tersedia di dalam pas Pakej Perpaduan?</td><td>• Maaf, perkhidmatan hotspot tidak termasuk di dalam Pakej Perpaduan. Namun, anda boleh membeli Pas Kuota untuk menggunakan hotspot.<br>• Pakej Perpaduan adalah terhad untuk peranti mudah alih sahaja.</td></tr>
</table>

| NO | SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|---|
| **13.** | **Bagaimanakah cara untuk saya menyemak tempoh sah pas?** | • Tempoh sah pas boleh disemak melalui *dashboard* di aplikasi Prabayar Mudah Alih Unifi *(Unifi Mobile Prepaid app)*<br>• Anda juga akan menerima SMS sebelum serta selepas tamat tempoh pas |
| **14.** | **Apakah yang akan berlaku sekiranya kuota saya habis sebelum tamat tempoh?** | • Anda tidak dapat melayari internet sekiranya kuota anda habis ataupun pas anda telah tamat tempoh (yang mana dahulu).<br>• Anda perlulah membeli mana-mana pas data Unifi untuk kekal tersambung dan melayari internet |
| **15.** | **Adakah kuota yang tidak digunakan boleh ditukar ganti?** | • Maaf, sebarang kuota yang tidak digunakan atau selepas tamat tempoh pas 180 hari adalah tidak sah untuk digunakan dan tiada sebarang bayaran balik |
| **16.** | **Apakah yang akan berlaku sekiranya saya membeli pas data sebelum hari terakhir kempen berakhir iaitu pada 31 Disember 2023?** | • Pas Pakej Perpaduan anda sah untuk 180 hari berikutnya atau sehingga kuota habis digunakan (yang mana dahulu) |
| **17.** | **Bagaimana saya boleh menyemak liputan rangkaian?** | • Anda boleh menyemak liputan rangkaian mudah alih Unifi melalui laman web ini https://unifi.com.my/check-coverage/ |
| **18.** | **Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Pakej Perpaduan?** | • Sila rujuk https://unifi.com.my/pakejperpaduan untuk maklumat lanjut |
| **19.** | **Siapa yang boleh saya hubungi sekiranya memerlukan bantuan lanjut?** | • Anda boleh menghubungi kami melalui:<br>i. Live Chat di Aplikasi Prabayar Mudah Alih Unifi *(Unifi Mobile Prepaid app)*<br>ii. Facebook Unifi di https://www.facebook.com/weareunifi/<br>iii. Twitter Unifi di @helpmeunifi |